ALZUDDIN BIN AZIZAN	4/Aug/85	T1153394	05	132	31	07	ALZUDDIN BIN AZIZAN	4/Aug/85	850804025547	02	016	30	03	
AMEERUL RASYD BIN AODNAN	10/Mar/86	T1156229	05	132	31	07	AMEERUL RASYD BIN AODNAN	10/Mar/86	860310565745	02	016	31	05	
ANWAR BIN ZAIDAN	9/Aug/85	T1154242	05	132	31	07	ANWAR BIN ZAIDAN	9/Aug/85	850809016017	01	149	22	09	
ANUWAN SHAHDI BIN AZMI	21/Oct/83	T1130493	05	132	31	05	ANUWAN SHAHDI BIN AZMI	21/Oct/83	831021035027	09	001	03	03	
AZHAR BIN MOHD ENA @ ZAINAL	28/Mar/83	T722595	03	132	31	05	AZHAR B IN MOHD ENA @ ZAINAL	28/Mar/83	830328445973	10	006	11	03	
AZIZ BIN GHAZALI	23/Oct/87	T1077416	05	132	31	07	AZIZ B N GHAZALI	23/Oct/87	871023035001	A0776561	03	022	13	03
AZIZUL BIN SHARIF	23/Jun/81	T1139782	05	132	31	05	AZIZUL BIN SHARIF	21/Jun/81	810621086105	08	070	41	15	
AZLI BIN MUHAMMAD MARIMUTHU	8/Jun/84	T338393	05	132	31	07	AZLI BIN MUHAMMAD MARIMUTHU	8/Jun/84	840108075187	07	047	20	01	

6. Pengakuan Pak Abu Kassim

Pada hari Isnin 28hb September 2009 pimpinan PAS yang diketui oleh YB. Dato Abdul Halim Bin Abd Rahman telah berjumpa dengan SPR. Wakil PAS adalah YB. Salahuddin Ayub, Sdr. Kamaruzaman Mohammad, Sdr. Suhaizan Kariat, Sdr Abu Kassim Bin Ali (Pak Abu Kassim) dan ramai lagi. Pihak SPR pula dibarisi oleh Pengerusinya Tan Sri Abd Aziz Bin Mohd Yusof, Timbalan Pengerusi Dato Wan Ahmad Wan Omar dan lain-lain lagi.

Pak Abu Kassim adalah bekas anggota tentera berpangkat Sarjan. Berikut adalah sedutan perbincangan dengan pihak SPR.

Suhaizan Kaiat : Selepas Komanden menerima Karung Khas SPR yang di dalamnya terdapat Sampul-sampul Keutamaan dan selepas Proses Penyerahan pada hari pertama bagi menunggu Proses Penyerahan untuk hari yang kedua Karung Khas SPR akan disimpan dalam Gurd Post tentera atau lokup polis atau bilik kebal SPR. Pihak EPP(Ejen Pengundian Pos) tidak dibenarkan berkawal kerana kedua-duanya adalah kawasan larangan untuk orang awam. Keadaan ini mencurigakan. Terdedah kepada sabotaj daripada pihak-pihak tertentu. Kes Al-Maunah dan suspek lari daripada lokup di Kota Tinggi tahun 2008 merupakan bukti-bukti yang balai polis dan Kem Tentera tiada jaminan Karung Khas SPR selamat.

Dato' Wan Ahmad Wan Omar : Jadi tuan tidak percaya dengan tentera dan polis lah?

Suhaizan Bin Kaiat : Maaf Pengerusi saya minta bekas anggota tentera Pak Abu Kassim yang turut sama datang hari ini beritahu kita bagaimana beliau *handle* Karung Khas SPR semasa bertugas.

Pak Abu Kassim : Maaf tuan. Saya ni bekas anggota tentera. Terlibat dalam pentadbiran. Sayalah yang pangkah dacing pada kertas-kertas undi tu. Saya pangkah BN. Banyak tuan.

Tan Sri Abd Aziz : Kenapa tak pangkah bulan ?

Pak Abu Kassim : Saya pangkahkan bulan juga tapi saya rosakkan borang 2. Saya takut masa tu tuan sebab pegawai saya duduk belakang saya. Saya patuh ajalah arahan dia.

Tan Sri Abd Aziz : Bila tu Pak Abu?

Pak Abu Kassim : Masa saya bertugas sebelum tahun 2000.

Tan Sri Abd Aziz : Itu cerita lama. Sekarang era saya tak akan berlaku lagi.

Suhaizan Kaiat : Lama memang lama. Tapi sistem tetap sama tuan.

Tan Sri Abd Aziz : Sekarang tidak akan berlaku lagi.

Sedutan pertemuan ini membuktikan bahawa mudahnya undi pos dimanipulasi oleh pihak-pihak tertentu.

7. Cara Serahan Sampul Keutamaan

Semasa dalam Proses Penyerahan atau Proses Pengundian Pos dibuat dalam PRK Bagan Pinang. Sepasang suami isteri yang namanya ada dalam daftar pemilih sebagai pengundi pos tetapi kertas undinya tiada di Pusat Latihan Asas Tentera Darat(PUSASDA) telah menghubungi saya. Kemudian saya telah memberi nasihat agar membuat semakkan kali kedua pada hari esoknya dengan membawa salinan daripada semakkan daftar pemilih yang terdapat dalam laman Web SPR.

Hari keduanya pasangan ini pergi ke PUSASDA tetapi jawapannya juga sama kertas undinya tiada di sana. Akhirnya mereka menghubungi JRP (Jabatan Rekod & Pencen), MINDF bertanyakan kertas undi mereka. Akhirnya JRP berjanji akan menyerahkan kertas undi di Port Dickson. Esoknya Unit Semboyan datang untuk menyerahkan kertas undi.

Saya dan rakan-rakan membuat intipan bagaimana serahan kertas undi ini dibuat. Akhirnya telah dapati bahawa serahan telah dibuat oleh beberapa anggota tentera berdekatan dengan Pasar Mini Market pada jam 7.30 malam.

Pada hari esoknya unit yang sama juga mengambil semula kertas undi untuk dimasukkan ke dalam Karung Khas SPR. Jika inilah cara penyerahan Sampul Keutamaan maka kaedah ini sangat mudah dimanipulasi oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab. Keadah ini sangat mencurigakan.

8. Pengambilan Sampul Keutamaan Udi Di Luar Masa Mengundi

Pada jam 5.45 petang 10hb Oktober 2009 wakil calon PAS Sdr. Ramli Bin Ismail telah menjadi saksi kepada penyerahan lebihan Sampul Keutamaan yang telah diserahkan oleh Mohamad Bin Ab Ghani Penolong Pegawai Pengurus Pos N31 – Bagan Pinang kepada Kept Azizi bin Elias, Pegawai Tentera di Tingkat 7 Kompleks Pentadbiran Daerah & Tanah Port Dickson.

Berdasarkan kepada perbincangan dengan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di Putrajaya pada 7hb Oktober 2009, Tan Sri Abdul Aziz Bin Mohd Yusof, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia telah menyatakan bahawa lebihan Sampul Keutamaan yang tidak diambil oleh pengundi hadir dalam kem hendaklah disimpan di Pusat Penyimpanan Tingkat 7 Kompleks Pentadbiran Daerah & Tanah Port Dickson dan tidak boleh dikeluarkan lagi untuk sebarang proses pengundian. Tempoh mengundi yang telah dipersetujui oleh SPR adalah pada 8hb, 9hb dan 10hb Oktober 2009 di antara jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Penyerahan Sampul Keutamaan kepada Kept Azizi bin Elias diluar tempoh mengundi di Pusat Latihan Asas Tentera Darat(PUSASDA), Port Dickson adalah bertentangan dengan persetujuan yang telah dibuat sebelum ini.

Wakil calon PAS Sdr. Ramli Bin Ismail telah membuat laporan polis pada hari yang sama jam 11.30 malam dan membuat bantahan pada hari esoknya kepada pihak SPR. Akhirnya ejen-ejen pengundian pos daripada PAS telah mendapati bahawa Sampul Keutamaan sebanyak 70 keping ini telah dikembalikan semula pada 11hb Oktober 2009 tanpa dihantar kepada pengundi pos terbabit.

Persoalannya, apakah peraturan yang telah digunakan oleh SPR dan pihak Kem sehingga boleh mengeluarkan Sampul Keutamaan di luar waktu mengundi ? Apakah matlamat Kept Azizi Bin Elias dan En. Mohamad Bin Ab Ghani membuat serahan tersebut? Mengapa pula Sampul Keutamaan dikembalikan semula setelah laporan polis dibuat ?

9. Menteri BN Berkempen Dalam Kem Tentera

Saya telah mendapat aduan daripada pengundi pos mengenai Jamuan Hari Raya pada 6hb Oktober 2009 di Institut Kejuruteraan Tentera Darat (IJED) Kem Kg Sawah dimana Menteri Besar Negeri Sembilan telah menggunakan kedudukannya sebagai Menteri Besar berkempen calon Barisan Nasional dihadapan anggota tentera dalam Kem tersebut. Beliau telah menyatakan :

" Pada 8 dan 9 haribulan saudara akan mengundi. Jangan lupa mengundi Barisan Nasional. Boleh atau tidak ?....

Pada majlis yang sama Menteri Pertahanan Dato' Sri Dr Ahmad Zahid Hamidi telah menggunakan kedudukannya sebagai menteri menggugut anggota tentera, akan menarik balik projek-projek yang telah dijanjikan. Beliau telah menyatakan :

" Ada banyak projek lagi. Saya nak tengok dulu. 11haribulan kita tengok kertas undi dulu. Berapa peratus ? Itu baru 60%. Boleh 100% kita tambah peruntukkan"

Berkempen Barisan Nasional di dalam Kem adalah tidak adil kerana hanya satu pihak sahaja dapat berkempen di dalam Kem. PAS tidak berpeluang berkempen di dalam Kem. SPR tidak langsung menyusun kempen-kempen PAS di dalam Kem.

G. KAJIAN PENGUNDIAN POS DALAM PILIHANRAYA KECIL SIBU

Seperti yang saya tegaskan sejak PRK Bagan Pinang peraturan undi pos dan perlaksanaanya adalah terlalu lemah dan mudah untuk di manipulasi. Dibawah ini saya nyatakan beberapa perkara sebagai bukti kepada pandangan saya ini.

1. Petugas SPR sebagai pengundi Pos

SPR boleh mengiktiraf petugasnya sebagai pengundi pos. Penolong Pengurus Pilihanraya (PPP) boleh menerima permohonan petugas sehingga ke saat akhir pengundian. Tiada limit tarikh ditetapkan. Oleh kerana SPR tiada sistem online terhadap data pemilih di pusat-pusat pengundian maka petugas SPR sebenarnya boleh mengundi dua kali. Satu sebagai pengundi pos dan keduanya sebagai pengundi awam. Setakat ini SPR tiada sistem untuk menghalang mereka untuk mengundi sebanyak dua kali. Yang ada hanyalah pemantauan ejen parti yang bertanding sahaja. Jika ejen ini lemah maka petugas SPR mempunyai ruang untuk mengundi dua kali.


2. Petugas SPR membawa balik kertas undi

Sesuatu yang tidak pernah berlaku sebelum ini lebih daripada 200 orang petugas SPR membawa balik kertas undi. Apakah tujuannya ? Bukankah membawa balik kertas undi akan membawa kepada penjualan kertas undi kepada pihak luar. Team undi pos di Sibu dapat mengesan beberapa individu yang disyaki menjadi ejen membeli kertas-kertas undi ini. Maka pemantauan terhadap beberapa inidividu ini telah dilakukan.

Team Undi Pos Sibu telah dapat mengambil gambar beberapa pengundi pos kononnya petugas SPR tetapi gayanya semacam penjual VCD dan semacam pelajar sekolah . Mereka ada yang telah mengundi dan ada yang cuba mengundi tetapi gagal. Suatu insiden telah berlaku dimana 3 orang pemuda cina berumur dari 15 hingga 25 tahun cuba untuk mengundi. Team Undi Pos telah meminta kad pengenalan tetapi mereka memberi alasan kad pengenalan berada dalam kereta. PPP telah meminta mereka mengambilnya. Sehingga tempoh pengundian di tutup tiga orang pengundi ini tidak muncul-muncul.



(Gambar di atas adalah gambar seorang pengundi pos di Sibu yang disyaki adalah seorang penjual VCD)



(Gambar di atas adalah gambar seorang pengundi pos di Sibu yang disyaki adalah seorang pelajar sekolah)

Insiden kedua team undi pos telah bertanya kepada pengundi pos apakah mereka petugas SPR. Jawapannya beliau adalah seorang wayar man dan bukan petugas SPR. Persoalannya bagaimana mereka boleh dapat kertas undi ini dan bagaimana mereka seolah-olahnya menjadi wakil kepada petugas SPR untuk mengundi.

Team undi pos menyedari semacam adanya sindikit membeli kertas undi ini. Maka kawalan ketat telah dibuat. Kenyataan media telah di buat oleh Pemuda DAP. Terdapat 190 daripada 290 kertas undi tidak kembali. Dari jumlah tersebut terdapat 179 kertas undi adalah milik petugas SPR yang berjaya disekat masuk ke karung undi kerana disyaki telah dijual kepada sindiket. SPR harus dipersoal mengapa petugasnya sendiri gagal menghantar 61.72 % dalam PRK Sibu. Sebagai petugas SPR mereka harus bertanggungjawab terhadap kertas undi mereka. Kemanakah 61.72% kertas undi pos petugas hilang?

3. Petugas SPR bukan sebagai pemilih

Terdapat seorang petugas SPR bernama Justin Leo B. Lewis No Kad Pengenalan 540131-13-5063 telah didaftarkan sebagai pengundi pos tetapi beliau sebenarnya bukanlah seorang pemilih yang sah. Bagaimana seorang pemilih yang tidak sah boleh diterima sebagai pengundi pos petugas SPR. Mengikut prosesnya mereka memohon kepada SPR untuk menjadi pengundi pos. Permohonan beliau ini diluluskan sedangkan beliau bukan pemilih. Atas asas apa SPR meluluskan beliau sebagai pengundi pos? Saya minta SPR jawab perkara ini.

4. Undi yang berlebihan mengikut kod

Terdapat 3 kod yang mempunyai undi yang lebih dibandingkan dengan undi yang telah dikeluarkan :

Kod 708(Unit Udara PDRM). Undi dikeluarkan 6 tetapi undi yang diterima 24

Kod 429 (Unit Tentera Darat). Undi dikeluarkan 160 tetapi undi yang diterima 161

Kod 431(Unit Tentera Darat). Undi dikeluarkan 47 tetapi undi yang diterima 55


Undi yang diterima mestilah kurang atau sama dengan undi semasa dikeluarkan. Jika undi yang diterima lebih maka ada sesuatu yang tidak kena. Bantahan telah dibuat oleh team undi pos tetapi SPR tidak melayannya atas alasan bahawa kod ini diwujudkan untuk panduan kepada petugas sahaja. Saya minta SPR jawab isu ini, kenapa kertas undi tersebut berlebihan? Adakah sesuatu telah berlaku?

5. 1040 undi Tentera dan Polis Tanpa Kawalan Ejen PR

Terdapat 1040 undi tentera dan polis tidak dapat dikawal oleh ejen PR. Ini kerana mereka berada di luar Sibu. Jabatan Rekod dan Pencen tentera kononnya telah menghantar kepada pihak terbabit. Apakah yang berlaku semasa penghantaran tersebut. Apa jaminan tiadanya penyelewengan telah berlaku.

6. Saksi Tentera Meragukan

Terdapat beberapa pegawai tentera yang mempunyai tandatangan berbeza dalam borang 2. Bagaimana seorang saksi yang sama mempunyai tandatangan yang berbeza. Ini sesuatu kemuskilan yang perlu dijawab oleh angkatan tentera Malaysia (ATM). Jika tandatangan pegawai pun boleh menjadi kemuskilan, rakyat kuatir ATM tidak dihormati rakyat suatu masa nanti.



7. Kempen Dalam Kern Tentera

Perdana Menteri Dato Seri Najib Tun Razak telah dibenarkan memasuki Kem di Sibul. Terdapat dua Kem di Sibul Oya Batu 14 dan Kem Rescom Batu 10. PM telah dapat bertemu dengan anggota tentera di sana. Atas nama Perdana Menteri beliau telah berkempen dengan anggota tentera. Calon PR tidak dapat peluang tersebut. Minta SPR beri jawapan kenapa insiden Bagan Pinan berlaku semula di Sibul? Pemimpin BN boleh masuk Kem tetapi calon PR tidak boleh masuk Kem.

8. Terdapat Sampul B Tidak Berkod.

Dalam kumpulan 7 Undi Pos yang saya sendiri menjadi ejennya, terdapat lebih 50 sampul B yang tidak berkod. Saya perhatikan mereka terdiri daripada petugas SPR dan pihak polis. Mengapa SPR tidak meletakkan kod sedangkan mengikut panduan yang telah diberikan oleh SPR sendiri sampul B mestilah diletakkan kod. SPR memberi alasan kod bukan alasan untuk menolak undi pos. Jika kod tidak penting untuk memastikan keselamatan undi pos mengapa buku panduan undi pos meletakkan kod sebagai perkara yang penting? Bukankah ini mekanisma untuk mengelakkan penipuan?

9. Undi Pos Fix-Deposit Parti Pemerintah

Mari kita semak keputusan ini PRK Sibu 2010 :

Undi Awam :

DAP : 18,775 (50%)
BN : 16,124 (42.5%)

Mejoriti : 2,651

Undi Pos :

BN : 2,323 (82.17%)
DAP : 70 (2.47%)

Mejoriti : 2,253

Cuba bandingkan undi awam dengan undi pos. BN hanya mendapat 42.5% sokongan rakyat tetapi mereka mendapat sokongan 82.17% undi pos. Maksudnya rakyat menolak BN hanya tentera, polis dan petugas SPR sahaja sokong BN secara melampau. Sokongan undi pos kepada BN adalah 33 kali ganda daripada undi yang diperolehi PR.

PR- DAP pula diterima rakyat dengan sokongan 50% tetapi hanya dapat sokongan tentera, polis, petugas SPR sebanyak 2.47%. Keadaan ini sangat melampau dan melambangkan bahawa undi pos menjadi fix-deposit parti pemerintah.

H. PENGAKUAN 4 BEKAS ANGGOTA TENTERA MEMANGKAH KERTAS UNDI RAKAN

Empat bekas anggota tentera mengakui pilihanraya di negara ini tidak bersih dan tidak adil, sehingga mereka sendiri mengakui pernah memangkah ribuan kertas undi pos anggota-anggota tentera lain dan kertas-kertas undi isteri anggota tentera, atas arahan pegawai atasannya.



Ketika itu, mereka melakukannya tanpa rasa bersalah setelah diarahkan berbuat demikian, tambahan pula mereka sendiri tidak pernah mengambil berat soal pilihanraya, pembuangan undi dan politik tanah air. Seorang bekas tentera, Mohamed Nasir Ahmad, 50, mengakui pernah memangkah 400 kertas undi pos bagi pihak anggota tentera lain pada pilihanraya umum tahun

1986 lalu ketika bertugas di Sabah.

(Duduk: Pertama dari kanan, Mejar (B) Risman Mastor (berkopiak), Mohamed Nasir Ahmad, Suhaizan Kaiat dan Mohd Kamil Omar. Berdiri: Pertama dari kanan, Kamaruzaman Ibrahim.)

Menurut beliau, perbuatan itu dilakukan setelah menerima arahan pegawai atasannya dan arahan itu pula dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab sesuai dengan disiplin tentera.

"Saya bertugas di bahagian perkeranian. Saya bertugas di Sabah selama 4 tahun. Sebelum bertugas di Sabah, saya pernah bertugas di Mindef dan kemudian di beberapa tempat lain lagi.

"Walaupun arahan dan pekerjaan itu hanya sekali sahaja saya terima dan saya lakukan sepanjang saya berkhidmat dalam tentera sehingga saya bersara cukup tempoh pada tahun 1998 lalu, tetapi saya tetap rasa bersalah sehingga sekarang," jelas En Mohamed Nasir Ahmad.

Seorang lagi bekas anggota tentera, Kamarulzaman Ibrahim, 53, mengakui telah memangkah ribuan kertas undi pos selama 3 hari sehingga lenguh. Perbuatan tersebut dilakukan setelah menerima arahan dari pegawai atasannya pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-7 pada tahun 1986 lalu ketika sedang bertugas di Kem Terendak, Melaka.

Beliau yang bertugas sebagai kerani tadbir menjelaskan, selain memangkah kertas-kertas undi pos tentera sebanyak dua karung dengan angka ribuan itu, beliau turut menandatangani setiap borang yang dikepikan bersama kertas-kertas undi tersebut.

"Ketika memangkah kertas-kertas undi itu, saya terpaksa menggunakan tiga jenis pen berlainan warna bagi mengelak dikesan. Jumlahnya memang banyak, sebanyak 2 karung, tetapi saya tak tahu jumlahnya, yang nyata ribuan, hingga lenguh tangan.

"Pen tiga batang ada dalam kocek saya dan saya isu borang sampai terpaksa tanggal baju kerana panas sebab dulu mana ada kipas. Saya perlu isi banyak nama dan pangkah banyak borang, jadi pen nak kena banyak," katanya yang bersara pada tahun 1991 lalu.

Beliau yang tinggal di Johor turut mengakui kertas-kertas undi pos yang dipangkahnya itu melibatkan anggota-anggota tentera di seluruh negara dan melibatkan pengundian untuk kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (Dun).



"Saya berbuat demikian kerana "sekadar menurut perintah." Kini saya sedar apa yang saya lakukan itu adalah salah. Jadi saya turut tampil membuat pengakuan pada hari ini supaya semua orang tahu mengenai kepincangan pilihanraya di negara kita," katanya.

Sementara itu, Mejar (B) Risman Mastor, 64, pula mengakui turut diarahkan memangkah puluhan kertas undi pos ketika bertugas di Kem Kampung Sawah, Port Dickson, Negeri Sembilan pada PRU tahun 1978 lalu.

"Jika kepada rakan-rakan saya yang lain, mereka diarahkan memangkah BN, kepada saya berbeza pula. Saya diarah oleh pegawai atasan saya supaya memangkah pembangkang sebagai tanda protes kepada kerajaan.

"Puncanya, ketika itu kami marah pasal gaji sebab ketika itu gaji kami sangat rendah jika hendak dibandingkan dengan guru. Kami dianaktirikan, kami berjuang demi negara, kawan-kawan kami ada yang kudung kaki, kami berjuang demi mempertahankan negara, tapi apa yang kami dapat?"

"Disebabkan tidak puas hati dengan perkara itu, pegawai atasan kami telah mengarahkan saya memberikan undi kepada pembangkang, walaupun jumlahnya sekitar 20 hingga 30 kertas undi sahaja," katanya yang bersara pada tahun 1996 lalu.

Manakala seorang lagi bekas tentera, Mohd Kamil Omar, 49, dari unit Komandor TUDM menjelaskan, meskipun tidak pernah menerima arahan memangkah kertas-kertas undi pos, tapi

beberapa karung kertas undi pos yang telah dipangkah oleh rakan-rakannya bagi pihak rakan-rakan tenteranya yang lain pernah dilihat dengan jelas di hadapan matanya sendiri.

I. PENGUNDI “HILANG LAYAK UNDI AWAM”

Pada 2hb November 2010 direkodkan, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) yang dalam proses meluluskan Rang Daftar Pemilih Suku ke-3, 2010. Bantahan berakhir pada 2hb November 2010. Terdapat 18,493 undi yang terinasuk dalam kumpulan pengundi “*Hilang Layak Undi Awam*”. Kumpulan ini baru diwujudkan dalam rang suku ke-3, tahun ini. Mengikut kebiasaannya apabila seseorang pengundi menjadi pengundi pos maka secara automatik mereka akan hilang kelayakan sebagai pengundi awam. Terdapat beberapa kecurigaan terhadap isu ini.

1. Bilangan yang luar biasa mencurigakan.

Bilangan 18,493 undi “*Hilang Layak Undi Awam*” adalah cukup besar. Mereka berkemungkinan besar adalah terdiri daripada isteri atau keluarga anggota tentera atau polis. Bilangan anggota tentera dan polis yang memohon sebagai pengundi pos adalah 76 orang sahaja berbanding dengan keluarga mereka yang memohon berjumlah 18,493 orang. Secara tidak langsung membawa maksud bahawa secara puratanya satu keluarga polis atau tentera mempunyai 243 orang ahli. Ini angka yang tidak munasabah. Tidak dinafikan keluarga anggota polis dan tentera boleh memohon sebagai pengundi pos secara berasingan dengan suami atau isteri mereka yang menjadi anggota terbabit. Tetapi pendaftaran secara beramai-ramai di suku ke-3 dan hampir dengan pilihanraya umum ke-13 adalah sungguh mencurigakan. Seolah-olah ada usaha saat-saat akhir untuk memberi kemenangan kepada pihak tertentu. Terdapat maklumat juga yang menyatakan bahawa terdapat isteri anggota keselamatan yang tidak mengetahui nama mereka telah dipindah daripada pengundi awam kepada pengundi pos. Mereka telah menjadi mangsa kepada golongan yang tidak bertanggungjawab.

2. Kumpulan yang baru diwujudkan

Kumpulan pengundi “*Hilang Layak Undi Awam*” baru sahaja diwujudkan pada rang suku ke-3, 2010. Persoalannya apakah selama 12 kali pilihanraya sebelum ini tidak pernah timbul kumpulan pengundi yang hilang layak undi awam? Ke manakah mereka yang hilang layak undi awam selama ini dikumpulkan? Apa yang paling mencurigakan adalah walaupun kali pertama kumpulan ini diwujudkan tetapi mempunyai bilangan yang cukup ramai iaitu 18,493.

3. Negeri Kelantan, Kedah dan Perak Tertinggi

Jumlah tiga negeri yang paling ramai "*Hilang Layak Undi Awam*" adalah Kelantan (3,187 orang), Kedah(2,876 orang) dan Perak(2,007). Ironinya negeri terbabit adalah 2 buah negeri diperintah oleh kerajaan Pakatan Rakyat (PR) dan sebuah negeri lagi telah dijatuhkan secara tidak demokratik oleh Barisan Nasional (BN). Kemenangan PR dengan majoriti kecil di peringkat DUN adalah sangat membimbangkan. Contohnya di negeri Kedah bagi DUN N24 Jeneri, YB. Yahya Abdullah(PR) menang dengan majoriti 67 undi sedangkan undi "*Hilang Layak Undi Awam*" yang telah dimasukkan berjumlah 117 orang. Kemungkinan PR akan kalah sebanyak 50 undi dalam pilihanraya akan datang. Bagi DUN N26 Tanjung Dawai, YB. Dr Hamdan Mohd Khalib(PR) menang dengan majoriti 79. Undi daripada pengundi "*Hilang Layak Undi Awam*" yang dimasukkan ke DUN ini adalah seramai 105. Maka PR kemungkinan kalah dengan majoriti sebanyak 26 undi.

J. ADVANCE VOTING(PENGUNDIAN AWAL)

Pihak Suruhanjaya Pilihan Raya(SPR) telah berjanji kepada rakyat Malaysia untuk membuat beberapa perubahan dalam pelaksanaan pilihanraya akan datang. Antaranya adalah pengundian awal(Advance Voting) . Dewan Pemuda PAS Pusat merasakan perlu SPR menjelaskan kepada rakyat Malaysia beberapa persoalan di bawah ini.

1. Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Bin Mohd Yusof pernah membuat kenyataan media pada 26 Mei 2010 bahawa SPR bersedia melaksanakan pengundian awal pada Julai 2011. Setakat ini rakyat belum nampak pindaan-pindaan dibuat di Parlimen berhubung dengan pelaksanaan pengundian awal. Persolannya, bilakah tarikh sebenar SPR bersedia melaksanakan proses pengundian awal ?

2. Apakah status sebenar mereka yang dibenarkan membuat pengundian awal? Apakah mereka berstatus pengundi awam atau pengundi pos ?

a. Jika status mereka adalah pengundi awam :-

Persoalannya, bilakah nama mereka yang sedang tersenarai sebagai pengundi pos akan dikeluarkan daripada pengundi pos?

b. Jika status mereka adalah pengundi pos :-

Persoalannya, pengerusi SPR pernah menyatakan bahawa pengundian awal adalah seperti pengundi awam di mana mereka tidak perlu mengisi borang 2. Sedangkan dalam Peraturan-

peraturan Pilihanraya(Pengundi Pos) 2003 dinyatakan dengan jelas setiap pengundi pos perlu mengisi borang 2. Persoalannya, bilakah tarikh SPR akan membuat pindaan terhadap penggunaan borang 2 dalam seksyen 7(2), 8(b), 15(2), 15(3),15(5), 15(6), 15(7), 15(8), 15(9), 15(10) dan 16 dalam Peraturan-peraturan Pilihanraya(Pengundi Pos) 2003?

3. SPR tidak akan menghapuskan undi pos sepenuhnya kerana terdapat mereka yang tidak dapat mengundi pada hari pengundian seperti anggota tentera di medan perang. Setelah pelaksanaan pengundian awal, selain daripada anggota tentera di medan perang, siapakah lagi mereka yang dibenarkan menjadi pengundi pos sebenar?

4. Pelajar yang berada di luar negara contohnya Mesir mempunyai lebih 7,000 orang pelajar bukan dalam bidang yang kritikal dan mereka boleh mengundi di kedutaan masing-masing. Apa rasionalnya pelajar di luar negara mengundi sebagai pengundi pos? Kenapakah mereka tidak dibenarkan mengundi di kedutaan masing-masing sebagai pengundi awam ?

5. Kakitangan SPR boleh memohon untuk menjadi pengundi pos selepas penamaan calon dibuat. Permohonan mereka sebagai pengundi pos akan diluluskan sedangkan nama mereka tidak sempat dibatalkan oleh SPR sebagai pengundi awam dalam daftar pemilih yang diserahkan kepada calon pada hari penamaan calon. Persoalannya, bukankah terdapat dua nama iaitu sebagai pengundi pos dan sebagai pengundi awam bertentangan dengan Perkara 119(1) Perlembagaan Malaysia yang menyatakan "*tiada sesiapa pun boleh mengundi dalam pilihanraya yang itu juga, dalam lebih daripada satu bahagian pilihanraya*" ?

(Kenyataan akhbar berkenaan advance voting oleh Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof)

http://www.bharian.com.my/bharian/articles/PengundianposJulai2011lebihkemas_SPR/Article/

Pengundian pos Julai 2011 lebih kemas: SPR

2010/05/27

KUCHING: Sistem pengundian pos pada pilihan raya umum sekitar Julai 2011, dijangka akan lebih kemas dan sistematik berbanding kaedah yang diguna pakai sebelum ini.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mungkin menggantikan sistem sedia ada dengan pengundian awal, yang diadakan dua atau tiga hari sebelum tarikh sebenar hari pembuangan undi dijalankan.

Semua pengundi pos yang berdaftar dengan SPR di kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan petugas SPR sendiri akan dikumpulkan dalam sebuah dewan yang dijadikan tempat mengundi dan langkah ini dipercayai lebih telus, selain dapat menjamin semua kertas undi dikeluarkan SPR, dipulangkan semua pengundi berdaftar, pada masa sama.

Pengerusinya Tan Sri Aziz Mohd Yusof, berkata sistem pembuangan undi pos digunakan sekarang menyusahkan pengundi kerana terlalu banyak borang dan sampul yang perlu diisi, sebelum kertas itu dikembalikan kepada pegawai pengurus pilihan raya.

Beliau berkata, semua pengundi pos seperti tentera, polis dan petugas SPR di kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen akan dikumpulkan di sebuah dewan yang dijadikan tempat proses pembuangan undi.

"Cara ini, semua kertas undi dikeluarkan SPR kepada pengundi pos akan dimasukkan ke peti undi disediakan pada masa ditetapkan, berbanding sekarang apabila pengundi pos boleh membawa balik kertas undi mereka dan menandakannya pada bila-bila masa.

"Melalui amalan sekarang juga, mereka boleh menghantar Sampul B kepada pejabat pegawai pengurus pilihan raya melalui pejabat pos atau menghantar sendiri atau dengan cara lain yang difikir sesuai dan sampai sebelum jam 5 petang pada hari mengundi," katanya pada sidang akhbar, di sini, semalam.

Aziz berkata, SPR sedang menengok perkara itu dari pelbagai sudut untuk memastikan sistem baru itu lebih baik, tersusun dan telus.

Sementara itu, beliau berkata 2,827 kertas undi pos termasuk 209 kepada petugas SPR dikeluarkan pada 12 Mei untuk Pilihan Raya Kecil Parlimen Sibu 16 Mei lalu.

Katanya, sehingga jam 5 petang, selepas tempoh pengundian ditutup pada 16 Mei lalu, hanya 2,637 kertas undi pos (Sampul B) dikembalikan kepada pegawai pengurus pilihan raya, manakala baki 190 lagi tidak dikembalikan.

"Jumlah kertas undi yang tidak dikembalikan ialah 31 bagi polis, tentera (31) dan 128 bagi petugas SPR. Jadi, tidak timbul soal kertas undi pos diterima balik melebihi jumlah dikeluarkan seperti didakwa pembangkang" katanya.

Mengulas kelewatan proses pengiraan undi pos pada pilihan raya kecil itu, Aziz berkata, masalah berlaku ekoran terlalu banyak gangguan dan jeritan dari luar bilik menyebabkan petugas tertekan ketika membuat penjumlahan undi pos. Selain itu, katanya, petugas SPR dihalang membawa keluar peti undi mengandungi kertas undi yang sudah dikira.

"Apabila keadaan reda, semua peti undi itu dapat dikeluarkan untuk dibawa ke Pusat Penjumlahan Rasmi Undi di Dewan Suarah Sibu," katanya.

<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/SPRcadangpengundianawalgantiundipos/Article/>

SPR cadang pengundian awal ganti undi pos 2010/05/26

KUCHING: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mensasarkan Pilihan Raya Umum ke-13 untuk mengganti kaedah pengundian pos dengan pengundian awal bagi memudahkan pengundi, kata Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof.

Beliau berkata, SPR masih mengkaji perkara itu kerana prosedur pengundian pos sedia ada amat teknikal dan memerlukan pengundi menghantarkan sampul B yang mengandungi borang serta sampul A yang mengandungi kertas undi ke pejabat pegawai pengurus sebelum jam 5 petang hari pengundian.

"Kita juga akan melihat kemungkinan ia digunakan pada Pilihan Raya Negeri Sarawak nanti," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Namun, katanya, cadangan itu tidak membabitkan pengundi di luar negara yang masih memerlukan perkhidmatan pos.

Mengenai Pilihan Raya Kecil Parlimen Sibu baru-baru ini, beliau berkata jumlah kertas undi pos yang diterima ialah 2,637 dan tidak melebihi sejumlah 2,827 yang dikeluarkan, jadi tidak timbul isu terlebih kertas undi pos seperti dakwaan sesetengah pihak.

Abdul Aziz juga menjelaskan kelewatan proses pengiraan undi pos berpunca daripada gangguan seperti teriakan yang menyebabkan petugas rasa tertekan semasa membuat penjumlahan undi, selain dihalang membawa peti undi keluar.

"Apabila keadaan kembali reda, barulah peti undi itu dapat dikeluarkan untuk dibawa ke pusat penjumlahan rasmi undi di Dewan Suarah Sibu," katanya.

Beliau turut menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa kehadiran ejen parti menyebabkan petugas SPR terpaksa melaksanakan tugas mereka dengan betul kerana pihaknya cuma menyediakan gelanggang untuk wakil parti politik bertanding pada pilihan raya itu berdasarkan kerangka undang-undang.

"Soal siapakah pilihan rakyat dalam sesuatu pilihan raya adalah menjadi pilihan pengundi di kawasan berkenaan," katanya.

Mengenai ejen calon yang tidak mahu menandatangani borang penyata pengundian selepas pengiraan undi pos, beliau berkata perkara itu tidak menjejaskan keputusan pengiraan undi pos. - Bernama

<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=501422>

26 Mei, 2010 21:28 PM

SPR Sasar Guna Pengundian Awal Pada Pilihan Raya Umum Ke-13

KUCHING, 26 Mei (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mensasarkan Pilihan Raya Umum ke-13 untuk mengganti kaedah pengundian pos dengan pengundian awal bagi memudahkan pengundi, kata Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof.

Beliau berkata SPR masih mengkaji perkara itu kerana prosedur pengundian pos sedia ada amat teknikal dan memerlukan pengundi menghantarkan sampul B yang mengandungi borang serta sampul A yang mengandungi kertas undi ke pejabat pegawai pengurus sebelum pukul 5 petang hari pengundian.

"Kita juga akan melihat kemungkinan ia digunakan pada Pilihan Raya Negeri Sarawak nanti," katanya pada sidang akhbar di sini, Rabu.

Namun cadangan tersebut, katanya, tidak membabitkan pengundi di luar negara yang masih memerlukan perkhidmatan pos.

Mengenai Pilihan Raya Kecil Parlimen Sibuj baru-baru ini, beliau berkata jumlah kertas undi pos yang diterima ialah 2,637 dan tidak melebihi sejumlah 2,827 yang dikeluarkan, jadi tidak timbul isu terlebih kertas undi pos seperti dakwaan sesetengah pihak.

Abdul Aziz juga menjelaskan kelewatan proses pengiraan undi pos berpunca daripada gangguan seperti teriakan yang menyebabkan petugas rasa tertekan semasa membuat penjumlahan undi, selain dihalang membawa peti undi keluar.

"Apabila keadaan kembali reda, barulah peti undi itu dapat dikeluarkan untuk dibawa ke pusat penjumlahan rasmi undi di Dewan Suaraj Sibuj," katanya.

Beliau turut menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa kehadiran ejen parti menyebabkan petugas SPR terpaksa melaksanakan tugas mereka dengan betul kerana pihaknya cuma menyediakan gelanggang untuk wakil-wakil parti politik bertanding pada pilihan raya itu berdasarkan kerangka undang-undang.

"Soal siapakah pilihan rakyat dalam sesuatu pilihan raya adalah menjadi pilihan pengundi di kawasan berkenaan," katanya.

Mengenai ejen calon yang tidak mahu menandatangani borang penyata pengundian selepas pengiraan undi pos, beliau berkata, perkara itu tidak menjejaskan keputusan pengiraan undi pos. -- BERNAMA

K. KELEMAHAN SISTEM ALIS (AGENCY LINK-UP SYSTEM)

SPR telah menyiarkan senarai 40 ribu pengundi yang diragui dalam media kerana terdapat identiti yang meragukan dan terdapat pemilih yang telah meninggal dunia. Sebelum ini SPR begitu berbangga kerana mempunyai sistem yang dihubungkan kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang dikenali sebagai ALIS (Agency Link-Up System). Sudah pastilah JPN mempunyai pengkalan data yang paling canggih dalam negara kita. Saya mempunyai beberapa persoalan yang perlu di jawab oleh SPR dan JPN :

1. Mengapa perlu dipaparkan kesemua 40 ribu pemilih yang meragukan kepada media sedangkan JPN memiliki semua data warganegara Malaysia? Bukankah SPR dan JPN sepatutnya sudah mampu membezakan antara pengundi asli dan pengundi palsu? Apakah JPN tidak memiliki identiti semua warga negara Malaysia ?
2. Mengapa SPR perlu memaparkan 40 ribu pemilih untuk mengenal pasti pengundi yang telah meninggal dunia? Apakah JPN tidak memilikinya? Jika JPN tidak memilikinya, kenapa JPN begitu lemah sehingga rekod warga negara yang telah meninggal dunia pun tidak dimiliki?
3. Mengapa baru sekarang SPR menyedari pemilih yang meragukan ? Apakah sebelum ini SPR tidak menyedarinya ? Kalau tidak menyedarinya bagaimana status pilihan raya ke-12 yang penuh dengan daftar pemilih yang tercemar?
4. Apakah SPR sudah tidak yakin dengan JPN kerana kelemahan sistem pengkalan datanya ? Kalau SPR tidak percaya kepada JPN, apa perlunya ALIS yang menjadi penghubung antara SPR dan JPN?

L. CADANGAN PEMBAIKKAN SISTEM PILIHANRAYA

Terdapat dua cadangan sahaja iaitu :

Pertama : Laksanakan tuntutan 8 Perkara Bersih 2.0

1. Bersihkan senarai undi
2. Menreformasi undi pos
3. Guna dakwat kekal
4. Masa kempen minima 21 hari
5. Akses media yang bebas dan adil

6. Kukuhkan institusi awam

7. Hentikan rasuah

8. Hentikan politik kotor

Keduanya : Pilihanraya hendaklah dilaksanakan selepas cadangan Jawatankuasa Terpilih Pilihanraya(PSC) berkaitan pilihanraya dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya(SPR).

DISEDIAKAN OLEH :

SUHAIZAN BIN KAIAT

PENGERUSI PEMULIHAN DEMOKRASI & MOBILISASI PEMUDA PAS MALAYSIA

019-7285174

DIBANTU OLEH :

MOHD ADRAM BIN MUSA

TIMBALAN PENGERUSI PEMULIHAN DEMOKRASI & MOBILISASI PEMUDA PAS MALAYSIA

013-3845555